



13 Oktober 2014
13 October 2014
P.U. (A) 271

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PEMBEKALAN DIKECUALIKAN) 2014

GOODS AND SERVICES TAX (EXEMPT SUPPLY) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PEMBEKALAN DIKECUALIKAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 18(2) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 Oktober 2014.

Pembekalan dikecualikan

2. (1) Pembekalan barang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan pembekalan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua ditentukan sebagai pembekalan dikecualikan.

(2) Jika timbul apa-apa persoalan sama ada apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan itu termasuk dalam Jadual Pertama atau Jadual Kedua, persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

JADUAL PERTAMA
[Subperenggan 2(1)]

PEMBEKALAN BARANG YANG DITENTUKAN SEBAGAI SUATU PEMBEKALAN
DIKECUALIKAN

1. (1) Mana-mana tanah yang digunakan atau diniatkan untuk digunakan setakat ia digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi tujuan kediaman atau pertanian, atau kegunaan am.

(2) Tanah yang disebut dalam subbutiran (1) yang digunakan—

(a) setakat bagi tujuan pertanian tidak termasuk tanah yang digunakan bagi aktiviti memburu dan memancing; atau

(b) bagi tujuan kediaman termasuk apa-apa kemudahan tempat letak kereta yang bersampingan dengan pembekalan bangunan kediaman itu.

2. Mana-mana bangunan atau premis setakat ia digunakan bagi tujuan kediaman, direka atau disesuaikan untuk digunakan atau diniatkan untuk digunakan sebagai kediaman tidak termasuk hotel, rumah penginapan, rumah tumpangan atau establismen yang serupa bagi tempat tidur.

3. Mana-mana pembekalan logam berharga pelaburan sebagaimana yang dinyatakan dalam subbutiran 4(1) selain suatu pembekalan menurut perenggan 3 Jadual Pertama kepada Akta.

4. (1) Tertakluk kepada subbutiran (2), logam berharga pelaburan adalah seperti yang berikut:

(a) emas yang—

(i) dalam bentuk bar, jongkong atau *waffer*;

- (ii) mempunyai ketulenan sekurang-kurangnya 99.5%; dan
 - (iii) memiliki ciri-ciri pelaburan;
- (b) perak yang—
- (i) dalam bentuk bar, jongkong atau *wafer*;
 - (ii) mempunyai ketulenan sekurang-kurangnya 99.9%; dan
 - (iii) memiliki ciri-ciri pelaburan;
- (c) platinum yang—
- (i) dalam bentuk bar, jongkong atau *wafer*;
 - (ii) mempunyai ketulenan sekurang-kurangnya 99%; dan
 - (iii) memiliki ciri-ciri pelaburan;
- (d) mana-mana syiling emas yang berikut yang atau telah sah diperlakukan di negara asalnya, dan mempunyai ketulenan sekurang-kurangnya 99.5%:
- (i) syiling *America Buffalo*;
 - (ii) syiling *Australia Kangaroo Nugget*;
 - (iii) syiling *Australia Lunar*;
 - (iv) syiling *Austria Philharmoniker*;
 - (v) syiling *Canada Maple Leaf*;
 - (vi) syiling *China Panda*;
 - (vii) syiling *Malaysia Kijang Emas*;
 - (viii) syiling *Mexico Libertad*;
 - (ix) syiling *Singapore Lion*;
 - (x) syiling *United Kingdom Britannia*;

(e) mana-mana syiling perak yang berikut yang atau telah sah diperlakukan di negara asalnya, dan mempunyai ketulenan sekurang-kurangnya 99.9%:

- (i) syiling *America Eagle*;
- (ii) syiling *Australia Kookaburra*;
- (iii) syiling *Australia Koala*;
- (iv) syiling *Australia Lunar*;
- (v) syiling *Austria Philharmoniker*;
- (vi) syiling *Canada Maple Leaf*;
- (vii) syiling *China Panda*;
- (viii) syiling *Mexico Libertad*;
- (ix) syiling *United Kingdom Britannia*;

(f) mana-mana syiling platinum yang berikut yang atau telah sah diperlakukan di negara asalnya, dan mempunyai ketulenan sekurang-kurangnya 99%:

- (i) syiling *America Eagle*;
- (ii) syiling *Australia Koala*;
- (iii) syiling *Australia Platypus*;
- (iv) syiling *Canada Maple Leaf*.

(2) Subbutiran 1(d), (e) dan (f) tidak termasuk syiling iaitu suatu *proof coin*, suatu syiling numismatik atau suatu syiling pengumpul.

(3) Mana-mana emas, perak atau platinum, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai ciri-ciri pelaburan jika—

(a) ia telah ditapis oleh—

- (i) seorang penapis yang atau telah berada dalam senarai “*Good Delivery*” bagi *London Bullion Market Association* dalam hal emas atau perak; atau
 - (ii) seorang penapis yang atau telah berada dalam senarai “*Good Delivery*” bagi *London Platinum and Palladium Market* dalam hal platinum.
- (b) ia mempunyai suatu tanda atau ciri yang diterima sebagai suatu standard antarabangsa yang menjamin kualitinya; dan
- (c) ia didagangkan pada suatu harga berdasarkan harga tetap emas, perak atau platinum, mengikut mana-mana yang berkenaan, di pasaran bulion antarabangsa.
5. Bagi maksud Jadual ini—
- (a) “kegunaan am” ertinya penggunaan tanah bagi maksud tanah perkuburan, taman permainan atau bangunan keagamaan;
 - (b) “establismen yang serupa” ertinya premis yang disediakan dengan tempat tidur, sama ada dengan atau tanpa penyediaan penginapan atau kemudahan untuk penyediaan makanan, yang digunakan atau ditawarkan sebagai sesuai untuk kegunaan pelawat atau pengembara.

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 2(1)]

PEMBEKALAN PERKHIDMATAN YANG DITENTUKAN SEBAGAI SUATU PEMBEKALAN
DIKECUALIKAN

Perkhidmatan kewangan

1. Operasi apa-apa akaun semasa, akaun deposit simpanan atau akaun pelaburan.
2. Penyediaan pembiayaan apa-apa pinjaman, pendahuluan atau kemudahan yang serupa.
3. Penyediaan apa-apa kemudahan ansuran kredit kewangan dalam suatu perjanjian sewa beli, jualan bersyarat, jualan kredit atau pajakan jika suatu faedah atau apa-apa caj lain yang serupa dinyatakan secara berasingan kepada penerima pembekalan barang itu.
4. Pemindahan hak milik apa-apa nota atau arahan bagi pembayaran.
5. Pertukaran mata wang atau pemindahan hak milik apa-apa derivatif yang berhubungan dengan pertukaran mata wang (sama ada disebabkan oleh pertukaran mata wang, wang kertas atau syiling, dengan mengkredit atau mendebit akaun atau selainnya) selain pembekalan suatu wang kertas atau syiling sebagai suatu item yang digemari pengumpul, artikel pelaburan atau item yang bernilai numismatik.
6. Pemindahan hak milik apa-apa hak atau derivatif yang berhubungan dengan suatu obligasi bagi membayar faedah atau caj yang serupa.
7. Pegangan bon, debentur, nota atau surat cara yang lain yang serupa yang merupakan atau yang membuktikan keberhutangan, sama ada dijamin atau selainnya.
8. Pemindahan hak milik apa-apa sekuriti atau derivatif yang berhubungan dengan sekuriti.

9. Pemandahan hak milik kontrak niaga hadapan atau pemandahan hak milik derivatif yang berhubungan dengan komoditi kecuali bagi penyelesaian apa-apa kontrak niaga hadapan dengan cara penghantaran fizikal komoditi.

10. Pengeluaran, pemegangan atau penebusan apa-apa unit atau surat cara lain yang serupa di bawah suatu kumpulan wang amanah.

11. Penyediaan apa-apa insurans nyawa atau insurans semula nyawa.

12. (1) Peruntukan yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan di bawah Jadual ini hendaklah terpakai bagi apa-apa transaksi atau instrumen yang dijalankan atau dibuat mengikut prinsip Syariah.

(2) Pembekalan perkhidmatan yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan di bawah Jadual ini tidaklah disifatkan sebagai suatu pembekalan dikecualikan setakat balasan yang kena dibayar itu bagi penggunaan atau penyediaan kemudahan, pengaturan, pembrokeran, pengunderaitan, atau nasihat ke atas apa-apa pembekalan yang dinyatakan di dalamnya, adalah apa-apa fi, komisen, diskaun saudagar atau caj lain yang serupa.

13. Bagi maksud perkhidmatan kewangan di bawah Jadual ini—

(a) “sekuriti” ertinya—

(i) sekuriti hutang dalam bentuk bon, debentur, nota hutang atau surat cara lain yang serupa yang merupakan atau yang membuktikan keberhutangan;

(ii) sekuriti ekuiti dalam bentuk saham atau stok pinjaman;

- (b) “derivatif” ertinya apa-apa perjanjian atau surat cara kewangan yang nilai pasaran, penghantaran atau obligasi pembayarannya berpunca daripada, dirujuk kepada atau berdasarkan, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti atau komoditi sandaran, aset, liabiliti, kadar, indeks atau apa-apa gabungannya, sama ada atau tidak suatu derivatif terselaras atau suatu derivatif melalui kaunter;
- (c) “kontrak niaga hadapan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].

Perkhidmatan pendidikan

14. Perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pendidikan—

- (a) berhubung dengan pendidikan taman asuhan kanak-kanak, prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta yang disediakan kepada pelajar oleh penyedia berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1961 [Akta 43 tahun 1961], Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 [Akta 489], Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308], Enakmen yang berkaitan dengan pengawalan sekolah agama Islam bagi Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991 [Enakmen No. 7 tahun 1991] bagi Negeri Sabah atau Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [Ordinan 41 tahun 2001] bagi Negeri Sarawak;
- (b) berhubung dengan pendidikan tinggi yang disediakan kepada pelajar oleh penyedia institusi pendidikan tinggi yang diluluskan di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

15. Makanan dan minuman yang dibekalkan oleh operator kantin di prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah kerajaan atau bantuan kerajaan atau prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta yang disebut dalam butiran 14.

16. Bagi maksud perkhidmatan pendidikan di bawah Jadual ini—

(a) “taman asuhan kanak-kanak, prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta” ertinya suatu sekolah atau suatu institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan yang ditakrifkan di bawah Akta Pendidikan 1996;

(b) “institusi pendidikan” ertinya suatu sekolah atau mana-mana tempat lain yang, dalam menjalankan kerja suatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar, sama ada di dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah suatu tadika dan suatu pusat pendidikan jarak jauh tetapi tidak termasuk—

(i) mana-mana tempat jika pengajaran itu terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata;

(ii) mana-mana tempat yang dikategorikan sebagai suatu institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 yang menyediakan kelas tuisyen, latihan bahasa, komputer, kemahiran, kerjaya, profesion atau pekerjaan atau perdagangan, pengayaan minda dan pusat bimbingan; atau

(iii) mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, sebagai bukan suatu institusi pendidikan bagi maksud Akta Pendidikan 1996;

- (c) “perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pendidikan” termasuk—
- (i) pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah yang dibuat mengikut kurikulum sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Pendidikan 1961 atau Akta Pendidikan 1996;
 - (ii) pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah yang dibuat mengikut apa-apa kurikulum yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan;
 - (iii) pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah yang dibuat mengikut Akta Pendidikan 1961, Akta Pendidikan 1996 atau Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 dan Enakmen yang berkaitan dengan pengawalan sekolah agama Islam bagi Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991 bagi Negeri Sabah atau Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 bagi Negeri Sarawak;
 - (iv) pendidikan tinggi yang mengikuti kursus pengajian sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Universiti Teknologi MARA 1976, Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 atau yang diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia;
 - (v) bahan kursus;
 - (vi) rombongan atau lawatan lapangan;
 - (vii) penyediaan makanan dan penginapan;

- (viii) pengangkutan pelajar;
- (ix) perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan secara langsung dengan pembekalan pendidikan seperti pendaftaran pelajar, pengeluaran kad pelajar atau kad perpustakaan atau penilaian prestasi akademik pelajar;
- (x) perkhidmatan peperiksaan;
- (xi) pembekalan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan, elektrik, gas, penyaman udara sebagai sebahagian daripada penyediaan penginapan pelajar.

Perkhidmatan asuhan kanak-kanak

17. (1) Perkhidmatan asuhan kanak-kanak yang disediakan oleh mana-mana taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

(2) Bagi maksud butiran ini—

- (a) “taman asuhan kanak-kanak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984;
- (b) “perkhidmatan asuhan kanak-kanak” ertinya suatu perkhidmatan dalam apa-apa bentuk asuhan kanak-kanak separuh masa atau berdasarkan hari ke hari dengan bayaran atau sebagai suatu manfaat pekerjaan.

Perkhidmatan jagaan kesihatan

18. (1) Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*].

(2) Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disebut dalam subbutiran (1) termasuk—

- (a) apa-apa perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, perbidanan, kesihatan berkaitan, farmasi dan ambulans yang disediakan oleh seorang profesional jagaan kesihatan;
- (b) apa-apa tempat tinggal bagi maksud penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan;
- (c) apa-apa perkhidmatan bagi pemeriksaan, diagnosis, atau rawatan seseorang yang menghidap, atau dipercayai menghidap, apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;
- (d) apa-apa perkhidmatan bagi maksud kesihatan pencegahan atau penggalakan;
- (e) apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana profesional separa jagaan kesihatan;
- (f) apa-apa perkhidmatan bagi mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa tubuh manusia dengan menggunakan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti atau apa-apa teknologi perubatan lain;
- (g) apa-apa perkhidmatan makanan yang disediakan kepada pesakit oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen; atau
- (h) apa-apa perkhidmatan bilik mayat yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen.

(3) Bagi maksud butiran ini—

(a) “kemudahan jagaan kesihatan swasta” ertinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan, seperti hospital swasta, hospis, pusat jagaan ambulatori, rumah jagaan kejururawatan, rumah bersalin, hospital psikiatri, rumah jagaan psikiatri, pusat kesihatan mental masyarakat, pusat hemodialisis, klinik perubatan dan klinik pergigian dan apa-apa premis jagaan kesihatan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan melalui pemberitahuan dalam *Warta* di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;

(b) “profesional jagaan kesihatan” termasuk pengamal perubatan, pengamal pergigian, ahli farmasi, ahli psikologi klinikal, jururawat, bidan, pembantu perubatan, ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan profesional jagaan kesihatan berkaitan lain dan mana-mana orang lain yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan, pergigian, atau farmaseutikal di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Tanah atau bangunan yang digunakan bagi tujuan kediaman, tanah pertanian dan tanah untuk kegunaan am

19. Pemberian apa-apa kepentingan atau hak ke atas tanah atau apa-apa lesen—

(a) untuk menduduki tanah atau bangunan bagi tujuan kediaman yang tanah atau bangunan itu direka atau disesuaikan, untuk digunakan atau diniatkan untuk digunakan sebagai kediaman tidak termasuk hotel, rumah penginapan, rumah tumpangan atau establismen yang serupa bagi tempat tidur;

- (b) untuk menduduki tanah bagi tujuan pertanian tidak termasuk pemberian apa-apa kepentingan atau hak ke atas tanah atau lesen untuk menduduki tanah setakat yang tanah itu digunakan untuk aktiviti memburu dan memancing;
- (c) untuk menduduki tanah bagi atau diniatkan bagi kegunaan am.

20. Pembekalan perkhidmatan kepada pemilik di perumahan kos rendah dan pertengahan rendah yang dipegang di bawah hakmilik strata oleh badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan.

21. Bagi maksud tanah atau bangunan yang digunakan bagi tujuan kediaman, tanah pertanian dan tanah untuk kegunaan am di bawah Jadual ini—

- (a) “kegunaan am” ertinya penggunaan tanah bagi tujuan tanah perkuburan, taman permainan atau bangunan keagamaan;
- (b) “hotel, rumah penginapan, rumah tumpangan atau establismen yang serupa bagi tempat tidur” termasuk pemberian apa-apa kepentingan ke atas atau lesen untuk menduduki penginapan percutian;
- (c) “perumahan kos rendah dan pertengahan rendah” ertinya perumahan kos rendah dan pertengahan rendah sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan yang berkenaan;
- (d) “pemberian apa-apa kepentingan atau hak ke atas tanah atau apa-apa lesen untuk menduduki tanah atau bangunan untuk tujuan kediaman” termasuk penyewaan atau pajakan apa-apa kemudahan tempat letak kereta yang bersampingan dengan pembekalan suatu kepentingan untuk menduduki suatu bangunan kediaman.

Perkhidmatan pengangkutan

22. Pengangkutan penumpang—

- (a) dalam mana-mana kenderaan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sebagai—
 - (i) bas tidak termasuk bas sewa;
 - (ii) teksi tidak termasuk kereta sewa dan pandu;
- (b) oleh suatu syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Keretapi 1991 [Akta 463] untuk menyediakan perkhidmatan rel; dan
- (c) dalam mana-mana kapal atau vesel yang dilesenkan sebagai kapal penumpang di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ordinan No. 70/1952], Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 Sabah [Ord. Sabah No. 11 tahun 1960] dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 Sarawak [Ord. Sarawak No. 2 tahun 1960] tetapi tidak termasuk kapal atau vesel yang digunakan bagi tujuan rekreasi atau keseronokan.

Lebuh raya bertol

23. Pemberian apa-apa hak untuk menggunakan lebuh raya bertol di jalan awam.

Perkhidmatan pengebumian, perkuburan dan pembakaran mayat

24. Apa-apa pembekalan perkhidmatan dalam suatu pakej berhubung dengan upacara dan penghormatan, pelupusan mayat atau upacara peringatan.

25. Program perancangan prakeperluan pengebumian iaitu penempahan kolumbarium atau plot tanah perkuburan.

Dibuat 10 Oktober 2014

[SULIT KE.HT(96)669/47(1); Perb. R.O.3865/356/1]ld. 15(SK. 2); PN(PU2)721/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 18(3) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014]

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

GOODS AND SERVICES TAX (EXEMPT SUPPLY) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by subsection 18(2) of the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Goods and Services Tax (Exempt Supply) Order 2014**.

(2) This Order comes into operation on 13 October 2014.

Exempt supply

2. (1) The supply of goods as specified in the First Schedule and the supply of services as specified in the Second Schedule are determined as exempt supplies.

(2) If any question arises as to whether any supply of goods or services is included in the First Schedule or in the Second Schedule, such question shall be decided by the Minister whose decision shall be final.

FIRST SCHEDULE
[Subparagraph 2(1)]

SUPPLY OF GOODS DETERMINED AS AN EXEMPT SUPPLY

1. (1) Any land used or intended to be used to the extent of it being used or intended to be used for residential or agricultural purposes, or general use.

(2) The land referred to in subitem (1) which is used—

(a) to the extent for agriculture purposes does not include land being used for hunting and fishing activities; or

(b) for residential purposes includes any parking facilities which is ancillary to the supply of residential building.

2. Any building or premises to the extent of it being used for residential purposes, designed or adapted for use or intended to be used as dwelling excluding hotel, inn, boarding house or similar establishment of sleeping accommodation.

3. Any supply of investment precious metal as specified in subitem 4(1) other than a supply pursuant to paragraph 3 of the First Schedule to the Act.

4. (1) Subject to subitem (2), the investment precious metals are as follows:

(a) gold which—

(i) is in the form of a bar, an ingot or a wafer;

(ii) is of a purity of at least 99.5%; and

(iii) possesses investment characteristics;

(b) silver which—

(i) is in the form of a bar, an ingot or a wafer;

- (ii) is of a purity of at least 99.9%; and
 - (iii) possesses investment characteristics;
- (c) platinum which—
- (i) is in the form of a bar, an ingot or a wafer;
 - (ii) is of a purity of at least 99%; and
 - (iii) possesses investment characteristics;
- (d) any of the following gold coins which is or was legal tender in its country of origin, and is of a purity of at least 99.5%:
- (i) America Buffalo coin;
 - (ii) Australia Kangaroo Nugget coin;
 - (iii) Australia Lunar coin;
 - (iv) Austria Philharmoniker coin;
 - (v) Canada Maple Leaf coin;
 - (vi) China Panda coin;
 - (vii) Malaysia Kijang Emas coin;
 - (viii) Mexico Libertad coin;
 - (ix) Singapore Lion coin;
 - (x) United Kingdom Britannia coin;
- (e) any of the following silver coins which is or was legal tender in its country of origin, and is of a purity of at least 99.9%:
- (i) America Eagle coin;
 - (ii) Australia Kookaburra coin;
 - (iii) Australia Koala coin;
 - (iv) Australia Lunar coin;
 - (v) Austria Philharmoniker coin;
 - (vi) Canada Maple Leaf coin;
 - (vii) China Panda coin;

- (viii) Mexico Libertad coin;
- (ix) United Kingdom Britannia coin;

(f) any of the following platinum coins which is or was legal tender in its country of origin, and is of a purity of at least 99%:

- (i) America Eagle coin;
- (ii) Australia Koala coin;
- (iii) Australia Platypus coin;
- (iv) Canada Maple Leaf coin.

(2) Subitems 1(*d*), (*e*) and (*f*) does not include coins that is a proof coin, a numismatic coin or a collector's coin.

(3) Any gold, silver or platinum, as the case may be, possesses investment characteristics if—

(a) it has been refined by—

- (i) a refiner who is or was in the “Good Delivery” list of the London Bullion Market Association in the case of gold or silver; or
- (ii) a refiner who is or was in the “Good Delivery” list of the London Platinum and Palladium Market in the case of platinum.

(b) it bears a mark or characteristic that is accepted as an international standard guaranteeing its quality; and

(c) it is traded at a price based on the spot price of gold, silver or platinum, as the case may be, on the international bullion market.

5. For the purposes of this Schedule—
- (a) “general use” means the use of land for the purposes of burial ground, playground or religious building;
- (b) “similar establishment” means premises provided with sleeping accommodation, whether with or without the provision of lodging or facilities for the preparation of food, which is used or held out as being suitable for the use of visitors or travelers.

SECOND SCHEDULE
[Subparagraph 2(1)]

SUPPLY OF SERVICES DETERMINED AS AN EXEMPT SUPPLY

Financial services

1. The operation of any current account, savings deposit account or investment account.
2. The provision of finance any loan, advance or similar facility.
3. The provision of any facility of installment credit finance in a hire-purchase, conditional sale, credit sale or lease agreement where an interest or any other similar charge is disclosed separately to the recipient of the supply of goods.
4. The transfer of ownership of any note or order for payment.
5. The exchange of currency or the transfer of ownership of any derivative relating to the exchange of currency (whether effected by the exchange of currency, bank notes or coin, by crediting or debiting accounts or otherwise) other than the supply of a bank note or coin as a collector’s piece, investment article or item of numismatic interest.
6. The transfer of ownership of any right or derivative relating to an obligation to pay interest or similar charge.

7. The holding of bonds, debentures, notes or other similar instruments representing or evidencing indebtedness, whether secured or otherwise.

8. The transfer of ownership of any securities or derivatives relating to securities.

9. The transfer of ownership of futures contract or transfer of ownership of derivatives relating to commodities except for the settlement of any futures contract by way of physical delivery of commodities.

10. The issue, holding or redemption of any unit or other similar instruments under a trust fund.

11. The provision of any life insurance or life reinsurance.

12. (1) The provisions relating to financial services under this Schedule shall apply to any transaction or instruments conducted or made in accordance with the principles of Syariah.

(2) The supply of services relating to financial services under this Schedule shall not be deemed to be an exempt supply to the extent that the consideration payable for the usage or provision of facilities, arranging, broking, underwriting, or advising on any of the supplies specified therein, is any fee, commission, merchant's discount or other similar charge.

13. For the purposes of financial services under this Schedule—

(a) "securities" means—

(i) debt securities in the form of bond, debentures, notes or other similar instruments representing or evidencing indebtedness;

(ii) equity securities in the form of shares or loan stock;

- (b) “derivatives” means any agreement or financial instrument of which its market value, delivery or payment obligations are derived from, referenced to or based on, but not limited to, underlying securities or commodities, assets, liabilities, rates, indices or any of its combination, whether or not a standardized derivative or an over-the-counter derivative;
- (c) “future contract” has the meaning assigned to it in the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671].

Education services

14. The educational and related educational services—

- (a) in relation to private child care, pre-school, primary and secondary school education which is provided to students by the provider registered under the Education Act 1961 [Act 43 of 1961], the Education Act 1996 [Act 550], the Majlis Amanah Rakyat Act 1966 [Act 489], the Child Care Centre Act 1984 [Act 308], the Enactment related to the control of Islamic religious school for the States of Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu and Kelantan, the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 [Act 505], the Control of Islamic Religious Schools Enactment 1991 [Enactment No. 7 of 1991] for the State of Sabah or the Majlis Islam Sarawak Ordinance 2001 [Chapter 41 of 2001] for the State of Sarawak;
- (b) in relation to tertiary education which is provided to students by the provider of higher educational institutions approved under the Education Act 1996, the Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30], the University Technology MARA Act 1976 [Act 173] or the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [Act 555].

15. Food and drinks supplied by a canteen operator in a government or government aided pre-school, primary and secondary school or a private pre-school, primary and secondary school as referred to in item 14.

16. For the purposes of education services under this Schedule—

(a) “private child care, pre-school, primary and secondary school” means a school or an educational institution which is not a government or government-aided school or educational institution as defined under the Education Act 1996;

(b) “educational institution” means a school or any other place where, in the carrying out of the work of an organization or institution, persons are habitually taught, whether in one or more classes, and includes a kindergarten and a distance education centre but does not include—

(i) any place where the teaching is confined exclusively to the teaching of any religion;

(ii) any place which is categorized as a private educational institution registered under the Education Act 1996 providing tuition classes, training in language, computer, skills, vocation, profession or trade or commerce, mind enrichment and guidance centres; or

(iii) any place declared by the Minister charged with the responsibility for education, by notification in the *Gazette*, not to be an educational institution for the purposes of the Education Act 1996;

- (c) “the educational and related educational services” include—
- (i) pre-school, primary and secondary school education made in accordance with the curriculum as prescribed under the Education Act 1961 or the Education Act 1996;
 - (ii) pre-school, primary and secondary school education made in accordance with any approved curriculum by the Ministry of Education;
 - (iii) pre-school, primary and secondary school education made in accordance with the Education Act 1961, the Education Act 1996 or the Majlis Amanah Rakyat Act 1966 and the Enactment related to the control of Islamic religious school for the States of Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu and Kelantan, the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993, the Control of Islamic Religious Schools Enactment 1991 for the State of Sabah or the Majlis Islam Sarawak Ordinance 2001 for the State of Sarawak;
 - (iv) tertiary education following the course of study as prescribed under the Education Act 1996, the Universities and University Colleges Act 1971, the University Technology MARA Act 1976, the Private Higher Educational Institutions Act 1996 or accredited by the Malaysian Qualifications Agency;
 - (v) course materials;
 - (vi) excursions or field trips;
 - (vii) provision of food and accommodation;

- (viii) transportation of student;
- (ix) administrative services directly related to the supply of education such as student enrolment, the issuance of student card or library card or assessment of student's academic performance;
- (x) examination services;
- (xi) supply of cleaning and maintenance, electricity, gas, air condition as part of the provision of student accommodation.

Child care services

17. (1) The child care services provided by any child care centre registered under the Child Care Centre Act 1984.

(2) For the purposes of this item—

- (a) “child care centre” has the meaning assigned to it in the Child Care Centre Act 1984;
- (b) “child care services” means a service of any form of child care on a part-time or day-to-day basis for payment or as a benefit of employment.

Healthcare services

18. (1) The healthcare services provided by any private healthcare facilities registered or licensed under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 [Act 586].

(2) The healthcare services referred to in subitem (1) include—

- (a) any medical, dental, nursing, midwifery, allied health, pharmacy and ambulance services provided by a healthcare professional;

- (b) any accommodation for the purpose of providing healthcare services;
 - (c) any service for screening, diagnosis, or treatment of persons suffering from, or believed to be suffering from, any disease, injury or disability of mind or body;
 - (d) any service for preventive or promotive health purposes;
 - (e) any service provided by any healthcare para-professional;
 - (f) any service for curing or alleviating any abnormal condition of the human body by the application of any apparatus, equipment, instrument or device or any other medical technology;
 - (g) any food services provided to patient by the registered or licensed healthcare facilities; or
 - (h) any mortuary services provided by the registered or licensed healthcare facilities.
- (3) For the purposes of this item—
- (a) “private healthcare facilities” means any premises, other than a Government healthcare facility, used or intended to be used for the provision of healthcare services, such as private hospital, hospice, ambulatory care centre, nursing home, maternity home, psychiatric hospital, psychiatric nursing home, community mental health centre, hemodialysis centre, medical clinic and dental clinic and such other healthcare premises as specified by the Minister charged with the responsibility for health by notification in the *Gazette* under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998;

- (b) “healthcare professional” includes a medical practitioner, dental practitioner, pharmacist, clinical psychologist, nurse, midwife, medical assistant, physiotherapist, occupational therapist and other allied healthcare professional and any other person involved in the giving of medical, health, dental, or pharmaceutical services under the jurisdiction of the Ministry of Health.

Land or building used for residential purposes, agriculture land and land for general use

19. The grant of any interest or right over land or of any license—

(a) to occupy land or building for residential purposes where the land or building is designed or adapted, for use or intended to be used as dwelling excluding hotel, inn, boarding house or similar establishment of sleeping accommodation;

(b) to occupy land for agricultural purposes excluding the grant of any interest or right over land or license to occupy land to the extent the land is being used for hunting and fishing activities;

(c) to occupy land for or intended for general use.

20. The supply of services to owners in a low and low medium cost housing held under strata title by the joint management body and management corporation.

21. For the purposes of land or building used for residential purposes, agriculture land and land for general use under this Schedule—

(a) “general use” means the use of land for the purposes of burial, playground or religious building;

- (b) “hotel, inn, boarding house or similar establishment of sleeping accommodation” includes the grant of any interest in right over or license to occupy holiday accommodation;
- (c) “low and low medium cost housing” means the low and low medium cost housing as determined by the relevant state authority or local authority;
- (d) “grant of any interest or right over the land or any license to occupy land or building for residential purposes” includes the letting or leasing of any parking facility which is ancillary to the supply of an interest to occupy a residential building.

Transport services

22. The transport of passengers—

- (a) in any vehicle licensed by the Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat or the Commercial Vehicle Licensing Board as—
 - (i) a bus excluding a chartered bus;
 - (ii) a taxi excluding a hire and drive car;
- (b) by a company licensed under the Railways Act 1991 [*Act 463*] to provide rail services; and
- (c) in any ship or vessel licensed as passenger craft under the Merchant Shipping Ordinance 1952 [*Ordinance No. 70/1952*], the Merchant Shipping Ordinance 1960 of Sabah [*Sabah Ord. 11 of 1960*] and the Merchant Shipping Ordinance 1960 of Sarawak [*Sarawak Ord. 2 of 1960*] but excluding ship or vessel used for the purposes of recreational or pleasure.

Tolled highway

23. The grant of any right to use a tolled highway on public road.

Funeral, burial and cremation services

24. Any supply of services in a package in relation to ceremonial and tribute, disposition of the remains or memorialization.

25. Pre-need funeral plan program which is the reservation of columbarium or burial plot.

Made 10 October 2014

[SULIT KE.HT(96)669/47(1); Perb. R.O.3865/356/1]ld. 15(SK. 2); PN(PU2)721/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 18(3) of the Goods and Services Tax Act 2014]